



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**28 November 2022
03 Jamadilawal 1444H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|-------------------|--|
| Utusan Malaysia | <ul style="list-style-type: none">• Hasil laut meningkat, harga ikan kembung stabil |
| Berita Harian | <ul style="list-style-type: none">• Kos operasi bot tinggi punca ikan kurang di Tok Bali |
| Harian Metro | <ul style="list-style-type: none">• Pengusaha enggan tambah bot susulan kos operasi tinggi |
| Kosmo ! | <ul style="list-style-type: none">• |
| Sinar Harian | <ul style="list-style-type: none">• 6 warga Myanmar ditahan Bersama 500 kilogram ikan |
| The Star | <ul style="list-style-type: none">• |
| The Straits Time | <ul style="list-style-type: none">• |
| Nanyang Siang Pau | <ul style="list-style-type: none">• |
| Malaysia Gazette | <ul style="list-style-type: none">• |
| Harakah | <ul style="list-style-type: none">• |
| Malaysiakini | <ul style="list-style-type: none">• |
| Bernama | <ul style="list-style-type: none">• |
| Borneo Post (KK) | <ul style="list-style-type: none">• |
| Guan Ming Daily | <ul style="list-style-type: none">• |
| Sabah Media | <ul style="list-style-type: none">• |

| JENIS AKHBAR | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|---------|-------------------|----------------|-------------------|---------|------------|------------|
| UTUSAN MALAYSIA | / | KOSMO! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | |
| | | | | | | 30 | 26.11.2022 |



PELANGGAN membeli hasil laut termasuk ikan kembung dan jenahak yang kembali stabil serta dijual lebih murah di Pasar Tikam Batu, Sungai Petani. - UTUSAN/NUR SYAZWANA MANSOR

Hasil laut meningkat, harga ikan kembung stabil

SUNGAI PETANI: Harga ikan kembung segar di sekitar Kuala Muda, di sini kembali stabil susulan peningkatan tangkapan laut itu sejak kelmarin.

Tinjauan di sekitar pasar pagi Tikam Batu mendapati, harga ikan kembung kini dijual sekitar RM7 hingga RM13 sekilogram (kg) berbanding RM15 hingga RM18 sebelum ini.

Peniaga ikan di Pasar Tikam Batu, Mohd. Shamil Zulkifli, 27, berkata, bekalan ikan kembung segar setakat ini diambil daripada nelayan dari Kuala Muda, Pulau Pangkor dan Pontoi Rempang di Perak.

Menurut beliau, keadaan cuaca yang semakin pulih selain faktor bulan penuh dan air pasang juga menjadi penyumbang kepada peningkatan hasil tangkapan nelayan ketika ini.

"Bekalan ikan kembung gred A diambil dari Pulau Pangkor dan Pantai Remis dijual dengan harga RM13 sekilogram.

"Manakala ikan kembung gred B yang diambil dari nelayan Kuala Muda dijual dengan harga RM10 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini.

Kata Mohd. Shamil, penurunan harga ikan kembung di pasaran kini mendapat reaksi

positif pelanggan.

"Pembelian untuk ikan itu kini meningkat sejak penurunan harga semalam. Jika sebelum ini, setiap pelanggan beli ikan kembung tidak sampai sekilo tetapi sejak semalam kebanyakan pelanggan membeli purata hingga 2kg seorang," katanya.

Tambahnya, selain ikan kembung, ikan jenahak turut turun harga dijual dengan harga RM31 sekilogram berbanding RM36 kelmarin manakala ikan bawal emas dan bawal hitam kekal dengan RM32 sekilogram.

| JENIS AKHBAR | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|-------------------|----------------|-------------------|--|--|------------|------------|
| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO ! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | | | | |
| BERITA HARIAN | / SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | NEGATIF | NEUTRAL | | | 17 | 28.11.2022 |

Kos operasi bot tinggi punca ikan kurang di Tok Bali

BT 28hb msl
Kota Bharu: Kos operasi yang tinggi menyebabkan pengusaha bot laut dalam tidak bersedia menambah bot, sekali gus memberi kesan kepada penurunan pendaratan ikan di Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, dekat Pasir Puteh.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata berdasarkan pemerhatian Jabatan Perikanan Kelantan, penurunan nilai mata wang ringgit bukan faktor utama yang mempengaruhi bilangan pendaratan bot nelayan di Tok Bali.

Sebaliknya beliau berkata, faktor lain disebabkan oleh kadar lesen aktif semakin berkurangan dan sukar diperbaharui ekoran kekurangan kru yang mempunyai Pas Lawatan Køra Sementara (PLKS) dan kapal sedia ada sudah lama.

"Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan Kelantan memperuntukkan sebanyak RM975,000 tahun ini.

"Peruntukan berkenaan bagi membantu dan meringankan kos nelayan dalam sektor perikanan dan juga ternakan akuakultur," katanya pada Per-

sidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan, di sini, semalam.

Sasar 61,000 tan ikan

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising berkata demikian sebagai menjawab soalan Wan Hassan Wan Ibrahim (PAS- Semparak) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kota Darulnaim, hari ini, berkenaan tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pendaratan ikan di Tok Bali.

Tuan Mohd Saripudin berkata, bagi tahun ini, Jabatan Perikanan menyasarkan 61,000 tan pendaratan ikan.

"Sehingga September lalu, pendaratan ikan yang direkodkan bagi empat daerah menunjukkan prestasi yang positif ke arah mencapai sasaran tahunan.

"Kerajaan juga berharap penyelesaian secara lebih holistik dapat diambil bersama dengan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam menghadapi cabaran ini antaranya memperbanyakkan kembali lesen laut dalam dan dibuka semula lesen zon tradisi C serta B," katanya.

| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO ! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|---------------------|----------------|-------------------|------------|------------|
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | / NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | NEGATIF | NEUTRAL | 12 | 28-11-2022 |

PENDARATAN IKAN DI TOK BALI BERKURANGAN

Pengusaha enggan tambah bot susulan kos operasi tinggi

Kota Bharu Kos operasi bagi menyedakkan pengusaha bor laut dalam tidak bersedia menaikkan bot sejeli gaji menyebabkan penurunan pendaratan ikan di Pelabuhan Perdagangan (PPD) Komuniti Riau Malaysia (KKM) Tok Bali, di sini.

Bergiat sebagai ahli konselor Pertanian, Industri Asas Tanah, Bioteknologi, Teknologi URB dan Akademik Sektor Agro, Tuan Mohd Saripudin

Tuan Ismail berkata, hasil daratan pertchaduan labut di PPD Kota Bharu berkurang, meskipun ada masanya yang ringgi bukan faktor alam sekitar mempengaruhi atau memperpanjang bilangan gendarean bor nelayan di Tok Bali.

Sewalau ia masih berjaya, faktor harga sebabkan pelabur lebur akibat kesukaran berkuang dan cukai diperbaharui akibat kekurangan air yang menyebabkan Pas Lawatan



Bagi mengelosai masalah itu, kerajaan Kelantan memperuntukkan RM975,000 tunai ini.

Tuan Mohd Saripudin

paritidukan RM975,000 tunai ini.

Perintukuan berkesan bagi membantu dan meningkatkan usah nelayan dalam sektor perdikan dan terwujudkan ekonomi kitaran pada Perpaduan Dewan Undangan Negeri Kelantan, di sini semalam.

Tuan Mohd Saripudin berkata, bagi tahun ini, Jataan Perikanan menyasarkan 9,000 rotriuk tan penderitan ikan.

"Sehingga September lalu, pendaratan ikan direkodkan

bagi empat daerah menunjukkan prestasi positif ke arah mencapai sasaran tersebut.

Kelajuan juga berlangsung menyeluruh lebih holistik dapat dicapai bersama Kementerian Persekitaran dan Kawasan Perbandaran dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam menghadapi cabaran ini antaranya merupakan penyokongan tambil ikan laut dalam dan dibuka semula lahan tanaman tradisi C serta B," katanya.

| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO ! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|-------------------|----------------|-------------------|------------|------------|
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | NEGATIF | NEUTRAL | 35 | 28.11.2022 |

6 warga Myanmar ditahan bersama 500 kilogram ikan



Sinar - 28.11.2022 M.S.ZS
Enam nelayan warga Myanmar ditahan pada tengah hari Sabtu kerana tiada permit dan dokumen diri yang sah.

GEOGETOWN - Enam nelayan warga Myanmar ditahan sepasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang ketika menaiki bot di Pulau Kendi, di sini pada tengah hari Sabtu.

Pengarah Maritim Malaysia Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, pihaknya menahan sebuah bot nelayan tempatan yang dikendalikan kru warga asing pada jam 12.00 tengah hari.

Menurutnya, hasil periksaan terdapat enam nelayan termasuk tekong warga Myanmar berada di dalam bot berkenaan.

"Kapal ronda Maritim Malaysia telah mengesan sebuah bot nelayan Kelas C sedang bergerak di kedudukan 62 batu nautika barat daya Pulau Kendi ketika dalam perjalanan melaksanakan rondaan Ops Tanjung.

"Kita menahan bot tersebut dan pemeriksaan mendapati, bot yang berpangkalan di Hutan Melintang, Perak itu dikendalikan enam kru pendatang tanpa izin warga Myanmar. Kesemua mereka berusia lingkungan 21 hingga 32 tahun," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau menambah, kesemua tangkapan didapati tiada permit

bekerja yang sah.

"Mereka tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan diri dan permit kerja yang sah.

"Majikan mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 iaitu menggaji warga asing tanpa kebenaran yang sah daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya.

Abd Razak berkata, bot serta kesemua nelayan ditahan manakala hasil laut yang dianggarkan seberat 500 kilogram dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut.